



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	15/06/2012

Bakal menantu Najib tipu RM62 juta?

KUALA LUMPUR: Bakal menantu Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak, Daniyar Nazarbayev, warganegara Kazakhstan didakwa terlibat dalam penipuan.

Berdasarkan dokumen mahkamah yang difailkan di Mahkamah Agung Manhattan Amerika Syarikat, tunang anak perempuan Najib itu didakwa menipu bapa tirinya seunit kondominium bernilai AS\$20 (RM62 juta) dan memasuki Universiti Columbia menggunakan dokumen palsu.

Menurut *The New York Post* baru-baru ini, dokumen mahkamah itu menyebut, Daniyar memalsukan dokumen untuk memberikan gambaran bahawa dia berkelulusan daripada sekolah tinggi di Kazakhstan.

Bagaimanapun, sumber akhbar itu dipetik berkata, Daniyar sebenarnya bersekolah di Switzerland dan gagal menamatkan pe-



Daniyar Nazarbayev bersama Nooryana Najwa Najib.

lajaran.

Sementara rekod Columbia masih menunjukkan Daniyar masih dalam senarai bekas pelajar dan bergraduasi pada 2010.

The New York Post turut melaporkan, jurucakap Columbia sudah dihubungi te-

tapi enggan mengulasnya.

Sebelum ini, Najib dilaporkan telah menghabiskan sebanyak RM1 juta dalam lawatannya ke Kazakhstan.

Perbelanjaan untuk lawatan dua hari Perdana Menteri ke negara itu di-

dedahkan Kementerian Luar Negara di Dewan Rakyat pada Oktober tahun lalu.

Jumlah keseluruhan kos lawatan singkat tersebut berjumlah RM1,072,213.22 yang dibelanjakan Najib dan rombongannya ketika menghadiri Forum Ekonomi Dunia Islam, Jun tahun lalu.

Lawatan itu kononnya berjaya memeterai lima perjanjian antara Malaysia dan Kazakhstan tetapi menimbulkan kritikan apabila ia digunakan bagi merisik bakal menantunya, Daniyar.

Sehingga kini, pasangan Nooryana Najwa Najib dan Daniyar masih belum mendirikan mahligai perkahwinan.

Rakyat bagaimanapun menanti reaksi Perdana Menteri berhubung dakwaan penipuan oleh bakal menantunya itu.